

Pemimpin wajar martabatkan bahasa

Hanya bahasa Melayu digazetkan sebagai Bahasa Kebangsaan dalam urusan rasmi kerajaan. Oleh itu bahasa Mandarin, Iban, Kadazan, Arab dan lain-lain boleh digunakan untuk urusan tidak rasmi kerajaan

ISU bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan telah diperkatakan sejak era kerajaan Barisan Nasional (BN) termasuk penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik.

Apabila Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pemerintahan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu, isu bahasa Melayu terus menarik perhatian banyak pihak termasuk ahli-ahli akademik.

Pengarah Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Supyan Hussin antara yang berharap agar bahasa rasmi itu tidak terpinggir dalam kerajaan baharu ini.

Beliau menyeru agar setiap pemimpin dalam kerajaan PH mengambil tanggungjawab serius memartabatkan Bahasa Kebangsaan dalam setiap urusan rasmi kerajaan.

Katanya, ia antaranya bagi mengelakkan insiden seperti Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang membuat kenyataan rasmi kerajaan dalam bahasa Mandarin baru-baru ini, tidak berulang kembali.

"Saya melihat kenyataan yang dikeluarkan dalam bahasa lain selain daripada bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan baru-baru ini sebagai suatu insiden yang tidak dijangka.

"Bagi menteri atau pegawai dalam kerajaan baharu serta tidak pernah berada dalam kerajaan sebelum ini mungkin terlepas pandang Akta Bahasa Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Perintah Am.

"Ia berhubung penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam semua urusan rasmi negara, sama ada lisan mahupun tulisan. Mesyuarat di sektor kerajaan juga mesti dibuat dalam Bahasa Kebangsaan.

"Kenyataan akhbar semuanya mesti dalam bahasa Melayu tetapi terjemahannya boleh dibuat jika ada keperluan," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Menurut Dr. Supyan, insiden ini telah menyebabkan kritikan hebat daripada masyarakat seluruh negara dalam kadar segera melalui

**BERSAMA
ABD. AZIZ ITAR**
aziz.itar@utusan.com.my



media-media sosial.

Beliau melihat insiden itu sebagai proses pembelajaran yang sedang dilalui oleh sebuah kerajaan yang baharu.

Walaupun Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah 'orang lama' dalam kerajaan tetapi sebahagian besar menteri, timbalan menteri dan pegawai-pegawai lantikan politik daripada PH adalah bukan bekas kakitangan kerajaan.

"Proses pembelajaran yang tidak sampai 100 hari ini adalah pengalaman yang akan mendewasakan kerajaan PH agar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih baik," ujarnya.

Apabila insiden itu berlaku, katanya, semua pihak harus mengambil sikap sedia menegur dan ditegur kerana masyarakat sudah semakin matang dalam negara yang mengamalkan demokrasi.

Kesediaan memperbaiki diri kerana teguran adalah sesuatu yang mulia kerana tidak ada manusia yang terlepas daripada membuat kesilapan dan tidak ada juga manusia yang maksum.

Kalau peralihan teraju pemerintahan daripada BN kepada PH berlaku dengan harmoni dan aman, maka teguran atau kritikan dalam insiden itu harus harus berlaku dalam suasana aman dan harmoni.

Isu Bahasa Kebangsaan harus dianggap selesai sejak 60 tahun yang lalu apabila semua kaum sudah bersetuju dengan kontrak sosial ketika kita berusaha mendapatkan kemerdekaan daripada British.

Mempertikaikan kedudukan Bahasa Kebangsaan dalam Akta dan Dasar Bahasa Kebangsaan seolah-olah membawa kita ke zaman lampau sedangkan kerajaan PH harus terus bergerak ke hadapan.

Menurut Dr. Supyan, apabila isu Bahasa Kebangsaan ini diganggu-gugat semula, maka masyarakat

Pemimpin adalah contoh teladan kepada rakyat dan kakitangan kerajaan yang dipimpin. Apabila seorang ketua tidak peduli terhadap Bahasa Kebangsaan, maka yang di bawah akan turut sama. Oleh itu, Audit Bahasa Kebangsaan di pejabat-pejabat kerajaan termasuk kerajaan tempatan, hendaklah dijalankan...

dan negara akan terencat pergerakannya untuk maju ke hadapan.

Malah, tambah Dr. Supyan, tidak ada keperluan bagi mengubah Akta Bahasa dan Dasar Bahasa Kebangsaan.

Majoriti

Ini kerana, katanya, majoriti penduduk negara ini sudah berbahasa Melayu dan boleh memahami Bahasa Kebangsaan dalam urusan rasmi kerajaan.

"Menggangu gugat kedudukan itu hanya mengundang suasana negatif dan berundur ke belakang. Bahasa-bahasa selain bahasa Melayu tidak pernah disekat perkembangannya.

"Ia juga boleh ditutur sebagai bahasa harian, dalam sektor swasta, dan dalam institusi pendidikan yang tertakluk kepada peraturan. Hanya bahasa Melayu digazetkan sebagai bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi kerajaan.

"Oleh itu bahasa Mandarin, Tamil, Iban, Kadazan, Arab dan lain-lain boleh digunakan untuk urusan tidak rasmi kerajaan," katanya.

Sebelum merdeka, jelasnya, isu bahasa bagi setiap etnik yang datang ke Tanah Melayu menjadi suatu yang dilihat perlu dipulihara

selain daripada budaya dan adat resam mereka.

Maka ketika itu, sekolah-sekolah vernakular wujud menggunakan kurikulum dan bahan pembelajaran dari negara India dan China.

Selepas merdeka pula, isu utama bukan lagi pemuliharaan bahasa kaum-kaum itu tetapi pembangunan negara bangsa (*nation state*).

Oleh itu, katanya, salah satu mekanisma bagi membina negara bangsa adalah dengan menggunakan satu bahasa kebangsaan bagi memupuk kefahaman dan perpaduan yang membawa kepada toleransi kaum.

"Semua kaum bersetuju menerima bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, Dasar Bahasa Kebangsaan dan dipanjangkan dalam dokumen Perintah Am kerajaan lebih 60 tahun yang lalu.


"Hal ini perlu dipegang kemas dan rapi oleh semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Rukun Negara diperkenalkan selepas 13 Mei 1969 oleh pentadbiran Perdana Menteri Tun Abul Razak.

"Ia bagi membina jati diri negara bangsa (*nation state identity*) yang mana dua daripada Rukun Negara yang berkaitan dengan implikasi bahasa ini ialah Keluhuran Perlembagaan dan Kesopanan dan Kesusilaan," ujarnya.

Sebagai rakyat Malaysia yang lahir di Malaysia, membesar dan bekerja di sini dan bakal mati di sini, Dr. Supyan berkata, mereka haruslah menghormati dan menghargai keharmonian yang dikecapi itu.

Dalam pemerhatian beliau sebagai pegawai kerajaan yang berkhidmat lebih 30 tahun, memang terdapat pegawai kerajaan yang menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu rojak.

Ia berlaku dalam pengendalian mesyuarat, perancangan bandar yang khusus memilih nama, label dan bangunan, jalan, serta kawasan dan semasa sidang media diadakan.



**SUPYAN
HUSSIN**

Selain itu ia juga dapat dilihat pada papan tanda di kedai-kedai dan dalam iklan perniagaan tempatan yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Katanya, ia berlaku disebabkan kuasa pemantauan dan penguatkuasaan Akta dan Dasar Bahasa Kebangsaan adalah longgar kerana sikap sebahagian pemimpin negara mahupun pemimpin agensi kerajaan sendiri yang tidak prihatin terhadap agenda pembangunan negara bangsa melalui penggunaan Bahasa Kebangsaan.

"Pemimpin adalah contoh teladan kepada rakyat dan kakitangan kerajaan yang dipimpin. Apabila seseorang ketua tidak peduli terhadap Bahasa Kebangsaan, maka yang bawah akan turut sama.

"Oleh itu, audit Bahasa Kebangsaan di pejabat-pejabat kerajaan termasuk kerajaan tempatan, hendaklah dijalankan secara berkala oleh pihak berwajib.

"Penguatkuasaan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul mesti dilakukan pihak berkuasa bagi mengambil tindakan ke atas para pemimpin dan pegawai kerajaan yang mengeretikan Akta

dan Dasar Bahasa Kebangsaan agar kedudukan bahasa ini terus dihormati, dipertahankan serta diperjuang semua pihak," jelasnya.

Pada masa sama, Dr. Supyan berpendapat cadangan supaya hanya ada sekolah satu aliran sahaja iaitu sekolah kebangsaan dapat difikirkan oleh semua pihak yang terlibat.

Ujarnya, tidak akan timbul soal bahasa ibunda kerana dalam sekolah satu aliran ini bahasa Cina dan Tamil juga boleh diajar sebagai subjek pilihan atau tambahan.

"Pembelajaran subjek ini boleh diajar secara berperingkat-peringkat sejak dari sekolah rendah hingga menengah dan setiap pelajar juga diberi pilihan mempelajari."

"Begitu juga di Sabah dan Sarawak yang mana bahasa ibunda etnik terbesar di sana seperti Iban dan Kadazan juga boleh diajar agar para pelajar kaum peribumi itu akan dapat mengekalkan bahasa ibunda mereka.

"Jika formula ini dapat diterapkan tidak timbul soal bahasa kaum lain dipingirkan dan paling penting integrasi kaum lebih mudah dijalin dalam kalangan rakyat di negara ini" katanya.